

MAKLUMBALAS PERTANYAAN BERKENAAN TANGGUNGAN BAKI BAYARAN BAGI INDEN KERJA iGFMAS TAHUN 2020 YANG TIDAK DIBAWA MELALUI PROSES PAT

Senario:

Inden Kerja iGFMAS dikeluarkan pada tahun 2020 dan bayaran pertama telah dibuat pada tahun 2020. **Proses Penutupan Akhir Tahun (PAT) tidak dapat** dilaksanakan kerana **baki Waran Peruntukan Tahun 2020** telah ditarik semula dan **Waran Peruntukan Tahun 2021** mula diterima pada **02 Februari 2021**.

Maklumbalas:

Secara dasarnya, **PTJ** telah **tidak mematuhi** proses **membawa Inden Kerja ke tahun 2021** melalui **Penutupan Akhir Tahun**. **Kementerian** dipohon untuk memastikan penyaluran waran pada masa akan datang **dapat dibuat semasa dalam tempoh membawa dokumen ke tahun baru**. Mengambil kira pandangan **Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan**, berikut merupakan **maklumbalas** bagi senario di atas. Bagi menyelesaikan **workaround** untuk senario di atas, **PTJ** perlu **mengeluarkan Inden Kerja yang baru** bagi **baki pada tahun 2021** sahaja. Ini bagi memastikan jenis dokumen yang digunakan adalah **bertepatan** iaitu Inden Kerja pada tahun 2021 dan maklumat yang dikunci masuk melalui Inden Kerja akan **konsisten** dengan maklumat pada **Inden Kerja yang asal** (kecuali amaun yang dikunci masuk pada Inden Kerja baru pada tahun 2021 adalah berbaki sahaja). Maklumat yang disimpan di dalam sistem adalah **selari** bagi **tujuan apa-apa penarikan data** (ie ACL) kelak sekiranya perlu. Walau bagaimanapun, berikut merupakan perkara yang **perlu diberi perhatian** oleh PTJ dan rujukan Pejabat Perakaunan selanjutnya:

1. **Nombor SST yang dikunci masuk di dalam sistem bagi Inden Kerja yang baru** hendaklah **sama dengan nombor SST pada Inden Kerja asal** yang dikeluarkan melalui **iGFMAS**;
2. **Inden Kerja yang asal merupakan dokumen sah** yang telah diserahkan kepada pembekal untuk apa-apa obligasi yang perlu diselesaikan;
3. **Inden Kerja baru** yang dikeluarkan pada tahun **2021** adalah bagi tujuan **pertanggungsaan sahaja** dan **dikepulkan bersama Inden Kerja yang lama** dan **tidak perlu** diserahkan kepada pembekal bagi **mengelakkan** sebarang **kekeliruan** kepada pembekal;
4. **Perihal Inden Kerja baru** boleh memasukkan ayat seperti Inden Kerja dijana semula bagi dokumen Inden Kerajaan (asal) bernombor xxxxxx bertarikh xxxxxx **HANYA** untuk **tujuan tanggungan pertanggungsaan** di sistem **SAHAJA**.